

Pesaka minta Rashid, Mazlan buat pilihan

Oleh **MOHD RAHIME
YUSOF**

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengarahkan Rashid Che Omar dan Mazlan Shaari membuat pilihan sama ada mewakili pasukan silat atau taekwon-do dalam persiapan menghadapi Sukan SEA Kuala Lumpur tahun depan.

Tindakan tegas terpaksa dibuat bagi mengelakkan dituduh 'mencuri' kerana mereka turut tersenarai dalam latihan pusat taekwon-do kebangsaan untuk sukan berkenaan.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya tidak mahu dituduh 'mencuri' peserta taekwon-do dalam hal ini.

Pihaknya akan berbincang dengan kedua-dua pesilat itu hari ini dalam latihan pusat peringkat pertama. **14 JUN 1988**

"Saya fikir langkah ini wajar kerana mereka mungkin tidak mampu memberi perhatian serentak kepada latihan, jika menyertai kedua-dua sukan ini," katanya. **B. Harian (M)**

Rashid dan Mazlan disenarai mengikuti latihan pusat bersama

28 pesilat lain di Kompleks Sukan Kampung Pandan pada 14-21 Jun ini di bawah Ketua Jurulatih kebangsaan, Sani Morni dan penolongnya, Johari Ibrahim.

Mereka yang disenarai ialah Aminuddin Baki Abu Bakar, Fauzi Othman, Azizi Jarit, Zakri Ibrahim, Mohd Yazid Ariffin, Siti Anida Mahadi, Siti Azahariah Hussien, Masliza Abu Bakar, Aswida Darus, Zaleha Suradi (Kuala Lumpur).

Ahmad Khusairi Ibrahim, Khairi Abdul Rahman, Rafie Yaakub, Normala Yaacob, Rozaidi Abdul Rahman, Mohd Ali Lat (Selangor), Ahmad Wardi Salim (Melaka).

Azam Haji Abas, Razali Said, Wan Azimah Ahmad (Kelantan), Khatijah Salleh, Rashidah Abdullah, Salbiah Salleh, Zulkafur Abdul Majid, Zulkifli Salleh (Johor), Abdul Razak Ismail, Azmi Abdul Manaf dan Awang Ngah Mohammad dari Terengganu.

Mazlan dan Rashid yang masing-masing memenangi pingat emas dan gangsa di Kejuaraan Silat Sedunia, Disember tahun lalu tentu sukar membuat pilihan itu.

Mereka dijangka mewakili Melaka di Kejuaraan Silat Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai hingga 2 Ogos ini.

Sulaiman berkata, arahan ini bukan sebagai alasan untuk mengetepikan mereka, tetapi satu hakikat yang sepatutnya diterima.